



## **POLISI KEMASUKAN MURID KE SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' SHEIKH AHMAD**

Pemilihan kemasukan murid adalah satu proses yang berterusan dan bertujuan untuk meningkatkan akses dan penglibatan dalam pembelajaran semua murid dengan mengenal pasti halangan dan menghapuskannya.

Pemilihan kemasukan murid adalah satu respon secara positif terhadap keperluan unik setiap individu.

Terdapat sedikit sahaja sempadan perbezaan dalam pemilihan kemasukan murid.

(Keperluan Pendidikan Khas dalam Program International Baccalaureate)

### **RASIONAL**

Menjadi tanggungjawab pihak sekolah untuk menyediakan akses yang sama rata dalam kurikulum kepada semua murid dengan mengambil kira keperluan dan kebolehan individu.

Hal ini dapat dicapai melalui objektif, standard pencapaian, garis panduan dan prosedur program pembelajaran sokongan (LS). Program ini sejajar dengan matlamat dan nilai-nilai MYPIB.

Program ini menawarkan sokongan akademik murid, sambil membantu mereka untuk lebih memahami kekuatan peribadi, keperluan, gaya pembelajaran dan strategi yang berkesan dalam usaha mereka untuk menjadi warganegara global dan murid sepanjang hayat.

### **OBJEKTIF**

- i. Memastikan keperluan murid dipenuhi.
- ii. Mewujudkan prosedur bagi menyokong program LS.
- iii. Memaklumkan prosedur LS kepada semua pihak yang berkepentingan.
- iv. Memastikan pematuhan piawaian dan amalan IB

## GARIS PANDUAN

1. Dalam Polisi Kemasukan murid ke SMKDSA, telah ditetapkan bahawa:
  - murid-murid dari sekolah Kebangsaan aliran Melayu akan dipilih masuk ke Tingkatan Satu adalah dengan kelayakan minimum sekurang-kurangnya 3A dari 5 mata pelajaran yang diambil dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).
  - murid-murid dari Sekolah Jenis Kebangsaan bukan aliran Melayu (sekolah-sekolah Cina dan Tamil) akan dipilih masuk ke Tingkatan 1 dengan sekurang-kurangnya 5A daripada 7 mata pelajaran yang diambil dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).
  - murid perlu mendapat sekurang-kurangnya Gred 'B' dalam Bahasa Melayu untuk berjaya dipilih masuk.
  - Satu maklumat profil kecekapan bahasa murid dalam bahasa-bahasa berikut diperoleh semasa minggu suai kenal murid-murid baharu:
    - bahasa pertama (bahasa Melayu)
    - bahasa kedua (bahasa Inggeris)
    - bahasa ibunda (bahasa Cina /Tamil)
2. Jika seseorang murid itu memerlukan sokongan pembelajaran, guru mata pelajaran akan mengesyorkan murid untuk program LS.
3. Semua guru dan ibu bapa akan diberi akses untuk memahami kandungan program LS .
4. Jawatankuasa program LS dibentuk.  
Penolong Kanan Pentadbiran akan mengetuai program LS yang dibantu oleh seorang Ketua Panitia.  
Setiap Penyelaras Tingkatan akan dipertanggungjawabkan untuk mengendali program LS.
5. Jadual program LS dikeluarkan kepada semua guru, ibu bapa dan murid berkenaan. Jadual juga boleh didapati dari laman web sekolah.
6. Pasukan program LS terdiri daripada:
  - i. Kumpulan sokongan guru, guru mata pelajaran, penyelaras tingkatan dan kaunselor.
  - ii. Rakan sebaya
7. Rakan sebaya "guru" dikenal pasti oleh guru-guru mata pelajaran bagi membantu rakan-rakan guru yang lain di kelas mereka.
8. Latihan khas diberikan oleh guru-guru mata pelajaran kepada rakan sebaya "guru" untuk memastikan mereka yakin dengan peranan mereka dan mengaplikasikan strategi dan fakta yang betul. Rakan sebaya "guru" akan dipantau oleh guru-guru mata pelajaran.
9. Guru dan rakan sebaya "guru" diberikan elaun oleh Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) semasa menjalankan program di luar jadual waktu utama.
10. Jawatankuasa LS akan bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali sepanjang tahun persekolahan untuk membincangkan kemajuan murid dalam program ini.
11. Murid yang mempunyai masalah peribadi atau keluarga akan dirujuk kepada kaunselor sekolah.
12. Maklumat ini akan dimaklumkan kepada semua pihak yang berkepentingan.  
Ibu bapa/penjaga kepada semua bakal murid LS akan dimaklumkan melalui surat daripada Pengetua.  
Penyelaras Tingkatan bertanggungjawab untuk mengeluarkan surat-surat tersebut.
13. Pembelajaran sokongan atau LS diberikan semasa di dalam kelas dan di luar jadual waktu utama.
14. Laporan bertulis tentang program yang dijalankan (di luar jadual waktu) akan diberi pada setiap akhir penggal.
15. Polisi Kemasukan akan disediakan kepada semua pihak yang berkepentingan dan boleh didapati melalui laman web sekolah.

## STANDARD PENCAPAIAN PROGRAM LS

SMK Dato' Sheikh Ahmad ialah sebuah sekolah kawalan iaitu kemasukan Tingkatan 1 atau mana-mana Tingkatan (untuk perpindahan murid) dijalankan oleh Jabatan Pelajaran Negeri. Pengambilan murid dengan sekurang-kurangnya 3A daripada 5A peperiksaan UPSR bagi kemasukan Tingkatan 1. Oleh itu, SMK Dato' Sheikh Ahmad tidak mempunyai murid-murid Berkeperluan Khas.

Program LS menyediakan sokongan untuk murid yang :

- i. mempunyai fungsi kognitif yang cukup, dengan tiada kecacatan intelek bagi semua mata pelajaran (tidak termasuk Pendidikan Seni dan PJK).
- ii. mempunyai kesukaran yang sangat tinggi dalam Matematik atau Matematik Tambahan.

Semasa murid-murid mempelajari Matematik di Tingkatan 1 hingga 5, dan Matematik Tambahan di Tingkatan 4 dan Tingkatan 5, beberapa murid mungkin menemui kesusahan dalam menentukan pola, berkomunikasi atau mengaplikasikan matematik dalam konteks kehidupan sebenar (Rujuk objektif Matematik dalam Panduan Matematik).

Berdasarkan penilaian sumatif dan formatif yang berterusan oleh guru-guru Matematik, murid-murid yang bermasalah dalam pembelajaran Matematik atau Matematik Tambahan dapat dikenal pasti apabila mereka hanya mencapai band 3-4 (Rujuk MYP kriteria penilaian dalam panduan Matematik).

Penilaian perlu dalam bentuk yang pelbagai dan relevan kepada murid, sekali gus membolehkan amalan penilaian yang berbeza.

Pembelajaran sokongan (LS) boleh diberikan melalui kaedah-kaedah berikut:

- i. Pengajaran sokongan di dalam kelas oleh guru mata pelajaran.
- ii. Guru-guru mata pelajaran dinasihatkan supaya menyediakan pelbagai pendekatan pembelajaran untuk mencapai matlamat bersama.
- iii. Pengajaran rakan sebaya di dalam kelas dan di luar jadual waktu utama oleh rakan sebaya "guru" yang terpilih.
- iv. Elemen interaksi sosial dan pertumbuhan peribadi murid akan mengesahkan identiti mereka dan membina jati diri.
- v. Pendekatan kepada Pembelajaran (ATL) dan strategi-strategi pembelajaran diperkukuhkan di bilik darjah oleh guru-guru mata pelajaran.
- vi. Arahan dan penilaian yang berbeza akan menjadi amalan yang berterusan di sekolah.
- vii. Jadual waktu yang dijadualkan (minggu 1 dan minggu 2) bagi mata pelajaran dalam program LS (di luar jadual utama) bermula pada bulan Februari.
- viii. Pemantauan sokongan daripada pihak pentadbiran dan kaunselor.
- ix. Kaunselor sekolah menyediakan perkhidmatan seperti bimbingan peribadi/sosial, pendidikan, perundingan, ATL dan panduan kerjaya secara langsung kepada murid. Mereka juga menyediakan perkhidmatan untuk pentadbir sekolah, guru-guru dan ibu bapa.
- x. Penceramah jemputan (kaunselor atau pakar motivasi) daripada masyarakat sekitar dijemput untuk mendorong dan memberi inspirasi kepada murid-murid dalam bidang akademik atau kerjaya masa depan sekurang-kurangnya dua kali setahun. Program ini diselaraskan dan dikendalikan oleh Unit Kaunseling dan Penyelaras Tingkatan.

- xi. Mengadakan kerjasama dan perbincangan dengan guru-guru kelas, guru-guru mata pelajaran, penyelarar tingkatan, kaunselor dan ibu bapa atau penjaga semasa Dialog Prestasi Ibu Bapa dan Guru sekurang-kurangnya dua kali setahun.

## **PROSEDUR**

1. Semua murid terlibat dalam program LS semasa penggal pertama.
2. Penilaian data dari keputusan peperiksaan pertengahan tahun digunakan untuk membezakan tahap kecekapan atau keupayaan murid.
3. Murid-murid yang tidak mencapai gred minimum dalam mana-mana mata pelajaran dikehendaki menghadiri program LS pada penggal kedua.
4. Murid yang menunjukkan peningkatan prestasi mereka dalam mata pelajaran akan dikeluarkan dari program ini. Maklumat ini akan disampaikan kepada guru-guru penyelarar dengan mengisi borang.
5. Murid yang keluar dari program, penilaian berterusan akan dijalankan oleh guru-guru mata pelajaran.
6. Murid yang telah memperoleh sekurang-kurangnya gred minimum boleh berada dalam program LS apabila guru mata pelajaran merasakan bahawa murid perlu meneruskan program ini.
7. Jika ibu bapa atau penjaga tidak mahu anak mereka dikeluarkan dari program ini, mereka boleh merayu kepada Pengetua.

Polisi ini tertakluk kepada kajian semula tahunan dan semakan oleh Jawatankuasa MYPIB.

**Disediakan oleh:**

**Penolong Kanan Pentadbiran  
Jawatankuasa Sokongan Pembelajaran  
Penyelaras Tingkatan  
Kaunselor**

**Versi : 2**

**Tarikh : 23 Oktober 2014**

## **Bibliografi**

1. IB.2010. Primary Years Programme, Middle Years Programme and Diploma Programme. Special educational needs within the International Baccalaureate programmes. Cardiff, UK. International Baccalaureate.
2. IB.2014. MYP : From principles into practice.(For use from Sept.2014/Jan.2015) Cardiff, UK. International Baccalaureate.
3. CIS. 2013 - 2014. Canadian International School Learning Support Policy.
4. FPS. October 2012. Fridley Public Schools. Inclusion Practices for Special Educational Needs Students.
5. Mathematics Guide. For use in September 2014/January 2015. OCC.IB. Web. 20 October 2014



## **POLISI PENILAIAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' SHEIKH AHMAD**

### **RASIONAL**

Selaras dengan misi SMKDSA, polisi penilaian sekolah dibuat untuk :

- i. memupuk perasaan suka belajar
- ii. meningkatkan pembelajaran murid
- iii. membimbing murid untuk mencapai potensi mereka

Polisi Penilaian SMKDSA tersedia dan terbuka kepada pentadbiran, guru-guru, ibu bapa dan murid.

### **TUJUAN**

Polisi Penilaian berpegang teguh kepada prinsip dan objektif dalam Kurikulum Kebangsaan dan MYP melalui sokongan dan galakan daripada pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan perancangan bersama.

Tujuan Penilaian :

- i. penilaian digunakan untuk menilai murid berdasarkan kriteria mata pelajaran MYP.
- ii. penilaian digunakan untuk menentukan pengetahuan sedia ada (diagnostik), untuk menentukan pemahaman murid (formatif) dan untuk mengukur pencapaian keseluruhan (sumatif).
- iii. penilaian digunakan untuk menyokong dan menggalakkan pembelajaran murid dengan memberikan maklum balas tentang pengetahuan murid dan kemahiran belajar untuk membantu murid mengukur pencapaian mereka.
- iv. penilaian menggalakkan pemahaman yang mendalam tentang kandungan mata pelajaran dengan menyokong inkuiri murid berdasarkan konteks dunia sebenar menggunakan Pendekatan kepada Pembelajaran (ATL).
- v. penilaian menggalakkan pembangunan pelbagai gaya pembelajaran, kecerdasan pelbagai dan kemahiran berfikir aras tinggi dengan menyediakan objektif yang mencerminkan nilai dan kemahiran tersebut.
- vi. penilaian mencerminkan pemikiran antarabangsa program tersebut menggunakan konteks global dalam MYP.
- vii. penilaian menggalakkan sikap positif murid terhadap pembelajaran (tanggungjawab untuk pembelajaran, refleksi diri, penilaian sendiri, pemilikan).
- viii. penilaian menyediakan maklum balas kepada ibu bapa mengenai pencapaian murid dalam peperiksaan bertulis, penilaian berasaskan sekolah, aktiviti kokurikulum atau penglibatan dan ujian kecenderungan psikometrik (Tingkatan 1 - Tingkatan 3).
- ix. penilaian mendorong dan menggalakkan murid berprestasi rendah semasa dialog / perjumpaan secara bersemuka dengan pentadbir sekolah dan kaunselor sekolah.

- x. penilaian memperakui dan menghargai pencapaian atau pembelajaran murid semasa perhimpunan sekolah dan Hari Anugerah Kecemerlangan.
- xi. penilaian menekankan, meningkatkan dan berkongsi amalan bilik darjah terbaik dengan rakan-rakan.
- xii. penilaian memastikan hasil pembelajaran sejajar dengan Kurikulum Kebangsaan dan MYP.
- xiii. data penilaian digunakan untuk merancang dan melaksanakan arahan-arahan bagi kelas-kelas pemulihan.
- xiv. penilaian menyediakan peluang untuk melibatkan semua pihak yang berkepentingan dalam proses pembelajaran.

## **FALSAFAH**

Kami percaya bahawa:

- i. penilaian hendaklah berasaskan prinsip-prinsip dan garis panduan daripada Kurikulum Kebangsaan dan MYP
- ii. penilaian harus menyokong misi sekolah dan pernyataan misi MYP. Penilaian dibuat untuk membenarkan murid menunjukkan profil murid IB, pemahaman terhadap kandungan secara inkuiri dalam dunia sebenar dan konteks antarabangsa melalui konteks global dalam MYP dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri murid melalui Pendekatan kepada Pembelajaran (ATL)
- iii. penilaian hendaklah diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran, menggalakkan perkembangan kemahiran berfikir aras tinggi dan dapat memantau kemajuan murid
- iv. maklum balas tepat pada masanya kepada murid akan menyokong dan menggalakkan proses pembelajaran murid dalam memahami dan menguasai kandungan dan kemahiran, usaha murid dan penglibatan pembelajaran di dalam kelas.
- v. markah, gred dan deskriptor memberi maklumat penting kepada guru untuk membimbing arahan, ibu bapa untuk membantu menyokong peningkatan anak-anak dan murid-murid untuk mengenali kekuatan dan kelemahan mereka serta peluang untuk peningkatan.
- vi. markah, gred dan deskriptor yang diberikan kepada murid hendaklah berdasarkan pelbagai jenis penilaian, termasuk kerja rumah, pemeriksaan buku nota, ujian, projek dan pembentangan
- vii. gred yang diperoleh oleh murid haruslah mencerminkan dan menyokong pembangunan holistik murid. Hal ini akan menggalakkan murid untuk bertanggungjawab dalam proses pembelajaran, kemahiran organisasi, kreativiti dan kerjasama mereka

## **PRINSIP**

Untuk memastikan penilaian, pentaksiran dan pelaporan adalah sah dan boleh dipercayai serta membawa kepada peningkatan pembelajaran dan perkembangan menyeluruh semua murid, guru-guru SMKDSA akan memastikan bahawa:

- i. penilaian adalah adil, telus dan saksama bagi semua murid.
- ii. prosedur penilaian boleh diakses oleh semua pihak yang berkepentingan.
- iii. penilaian dibezakan untuk membolehkan gaya pembelajaran yang berbeza ditunjukkan oleh sekolah.
- iv. penilaian adalah relevan dengan kurikulum yang diajar dan matlamat kurikulum.

- v. penilaian adalah secara berterusan, memberikan keputusan dalam bentuk gred dan maklum balas deskriptif yang selaras dengan Kurikulum Kebangsaan dan MYP.
- vi. penilaian dilaksanakan dalam tempoh berkala untuk menyokong pembelajaran dan pencapaian yang lebih baik.
- vii. penilaian menggalakkan perkembangan kemahiran berfikir aras tinggi dan kemahiran bertanya.
- viii. penilaian diintegrasikan ke dalam pelbagai aktiviti pembelajaran secara berterusan.
- ix. maklum balas penilaian secara berterusan disediakan kepada murid-murid untuk menyokong dan menggalakkan pembelajaran murid.
- x. penilaian formatif dan sumatif dalam Unit Perancangan MYP dibincangkan dan dikolaborasikan dalam kalangan guru yang mengajar dalam tingkatan yang sama.
- xi. penilaian tertakluk kepada proses penilaian semula dan penyeliaan bagi memastikan ketekalan dan keberkesanan.
- xii. penilaian adalah konsisten dengan jangkaan Polisi Ketelusan Akademik.

## **PROSEDUR**

Guru-guru SMKDSA akan menggunakan prosedur-prosedur penilaian sekolah seperti berikut :

### **A. Perancangan penilaian**

- i. Kekerapan, jenis dan prosedur penilaian akan ditetapkan dalam Manual Penilaian / buku panduan yang disediakan oleh Jawatankuasa Penilaian.
- ii. Prosedur penilaian akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum dan prosedur yang diluluskan akan dimaklumkan kepada semua guru semasa mesyuarat pertama pada tahun tersebut.
- iii. Manual Penilaian / Buku panduan akan diedarkan kepada Jawatankuasa Kurikulum dan semua Ketua Panitia. Manual ini boleh diakses dalam laman web sekolah dan Bilik Sumber MYP.
- iv. Penilaian haruslah patuh kepada objektif Lembaga Peperiksaan Malaysia dan selaras dengan objektif-objektif MYP.
- v. Tugas MYP akan dilaporkan dengan menggunakan gred MYP melalui kriteria MYP.
- vi. Penilaian sumatif dan formatif akan disepadukan ke dalam semua bahagian perancangan, pengajaran dan pembelajaran bagi semua mata pelajaran.
- vii. Tahap pengetahuan semasa dan pengalaman murid akan dinilai sebelum pengenalan kepada bidang atau topik pembelajaran yang baharu.
- viii. Guru-guru merancang tugas penilaian secara kolaboratif bagi setiap tingkatan.

### **B. Strategi penilaian**

- i. Guru-guru akan bekerjasama untuk menyeragamkan pemarkahan penilaian sumatif bagi memastikan ketekalan dalam pemberian tahap pencapaian kriteria MYP.
- ii. Guru-guru menggunakan pelbagai strategi penilaian untuk membolehkan murid menunjukkan pemahaman dan pembelajaran topik atau bidang pembelajaran mereka.
- iii. Penilaian memberi tumpuan kepada kedua-dua proses pembelajaran dan demonstrasi akhir pembelajaran oleh setiap murid.
- iv. Penilaian berbeza untuk memenuhi keperluan semua murid.



- v. Arahan dan kaedah/rubrik penilaian yang jelas disediakan kepada murid sebelum tugas dan kriteria penilaian sebagai panduan kepada murid untuk melakukan yang terbaik seperti yang diharapkan.
- vi. Jangkaan dan kriteria disampaikan dengan jelas kepada murid dan ibu bapa.
- vii. Murid digalakkan untuk mengambil bahagian dalam refleksi, penilaian sendiri dan penilaian rakan sebaya untuk menganalisis pembelajaran mereka dan menetapkan matlamat untuk penambahbaikan.
- viii. Penilaian sumatif akan dinilai menggunakan rubrik tugas khusus yang direka oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dan kriteria MYP.
- ix. Senarai strategi berikut adalah tidak menyeluruh atau tidak eksklusif secara bersendirian. Strategi tersebut perlu digunakan secara bersama-sama antara satu sama lain untuk memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang pencapaian murid.

Strategi-strategi tersebut ialah:

- Pemerhatian
- Respon terpilih
- Tugas terbuka
- Prestasi
- Proses jurnal
- Penilaian Portfolio

### **C. Analisis penilaian**

- i. Rekod penilaian sentiasa memberikan maklumat yang sah dan berterusan kepada pihak-pihak yang berkepentingan.
- ii. Data penilaian dikumpulkan selepas penilaian sumatif 3 kali dalam setahun iaitu pada bulan April, Julai dan November.
- iii. Data penilaian digunakan bagi tujuan mengenal pasti program keseluruhan sekolah.
- iv. Data penilaian digunakan untuk menetapkan matlamat bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid, merancang kurikulum, meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran murid secara menyeluruh.
- v. Data penilaian digunakan untuk menyokong, membimbing dan mendorong murid (jika perlu dan sesuai) bagi memastikan semua murid diberi peluang yang sama untuk berjaya.

### **D. Maklum balas dalam melaporkan penilaian**

- i. Maklum balas diberikan kepada ibu bapa mengenai pencapaian murid dalam peperiksaan bertulis (menggunakan Penilaian Kebangsaan), penilaian berasaskan sekolah (menggunakan kriteria penilaian MYP), aktiviti kokurikulum atau penglibatan serta ujian kecenderungan psikometrik (Tingkatan 1 - Tingkatan 2)
- ii. Penilaian menggunakan kriteria MYP bagi tingkatan menengah rendah (Tingkatan 1 – Tingkatan 2) bagi semua mata pelajaran
- iii. Penilaian berdasarkan kriteria MYP bagi semua mata pelajaran dijalankan sekurang-kurangnya dua kali setahun bagi tingkatan menengah rendah (Tingkatan 1- Tingkatan 2)
- iv. Keputusan penilaian berdasarkan markah dan gred yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia untuk tingkatan menengah atas (Tingkatan 4 – Tingkatan 5) bagi semua mata pelajaran

- v. maklum balas deskriptif penilaian akan diberikan pada masa yang sesuai untuk membolehkan murid mengukur kemajuan dan peningkatan mereka (Tingkatan 1 - Tingkatan 5).
- vi. Perjumpaan secara bersemuka (murid, kaunselor dan pentadbir) dijadualkan sekurang-kurangnya dua kali setahun (Tingkatan 1 - Tingkatan 5).
- vii. Maklum balas untuk membincangkan keputusan penilaian sumatif dan formatif akan dijalankan sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk murid Tingkatan 3 dan Tingkatan 5 semasa Dialog Prestasi dengan ibu bapa.
- viii. Laporan bertulis termasuk pencapaian MYP disediakan kepada pihak yang berkepentingan dua kali setahun.

#### **E. Tugas penilaian**

Tugas berdasarkan objektif MYP, tetapi tugas boleh juga dalam bentuk yang berikut:

- Pengubahan - muzik, fizikal, seni
- Penciptaan penyelesaian atau produk sebagai respon kepada masalah
- Esei
- Borang soal selidik
- Penyiasatan
- Penyelidikan
- Persembahan
- Pembentangan - verbal (lisan atau bertulis), grafik (melalui pelbagai media)

**Disediakan oleh:**

**Penolong Kanan Pentadbiran  
Setiausaha Peperiksaan SMKDSA**

**Versi : 3**

**Tarikh : 23 Oktober 2014**

## **Bibliografi**

1. IB. 2014. MYP: From principles into practice (For use from Sept 2014/Jan 2015) Cardiff, UK. International Baccalaureate
2. "Assessment Policy". OCC. IB. Web. 10 May 2014
3. "The Best Fit Approach". OCC. IB. Web. 12 July 2014
4. "Guidelines for developing a school assessment policy in the Diploma Programme". OCC. IB. Web. 10 May 2014
5. "Principles of MYP Assessment". MYP: From principles into practice (For use from Sept 2014/Jan 2015) Cardiff, UK. International Baccalaureate
6. "Using MYP Assessment Criteria". MYP: From principles into practice (For use from Sept 2014/Jan 2015) Cardiff, UK. International Baccalaureate.
7. Canadian International School, Singapore. CIS Assessment Policy, 2013. Web. 30 June 2014.
8. SMKDSA, 2014. SMKDSA Assessment Booklet 2014.



## **POLISI BAHASA DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' SHEIKH AHMAD**

### **RASIONAL**

Pembelajaran bahasa sesuatu yang sangat berguna dalam pendidikan setiap kanak-kanak kerana penting untuk meneroka dan mengekalkan pembangunan peribadi, identiti budaya dan pemahaman antara budaya. Pembelajaran bahasa mempunyai faedah kognitif, iaitu cara di mana kemahiran yang dipelajari dalam pelajaran bahasa dipindahkan kepada mata pelajaran kurikulum lain dan boleh meningkatkan prestasi akademik secara keseluruhan. Bahasa penting untuk pembelajaran dan menunjukkan celik huruf serta berkait rapat dengan kejayaan di sekolah.

### **OBJEKTIF**

- i. Memberikan takrif istilah bahasa
- ii. Menyediakan falsafah sekolah bagi bahasa
- iii. Menyediakan garis panduan bagi penempatan murid dalam kelas bahasa

### **DEFINISI**

- i. Bahasa pengantar:  
Bahasa PdP di sekolah. Bahasa pengantarnya ialah bahasa Melayu yang dirujuk sebagai bahasa sekolah dan kesusasteraan (MYP). Sepanjang dokumen ini akan dirujuk sebagai bahasa pengantar.
- ii. Bahasa kedua :  
Bahasa Inggeris ialah bahasa kedua yang dipelajari oleh semua murid. Bahasa ini dirujuk sebagai bahasa pengambilalihan sekolah (MYP). Sepanjang dokumen ini akan dirujuk sebagai bahasa kedua.
- iii. Bahasa Ibunda :  
Merujuk kepada bahasa pertama yang digunakan untuk berkomunikasi. Sekolah ini menawarkan bahasa Cina kepada pelajar Cina, manakala bahasa Tamil ditawarkan kepada pelajar India.
- iv. Bahasa Asing :  
Bahasa Jerman ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif kepada murid yang berminat dari Tingkatan 1 - Tingkatan 5.

## **FALSAFAH**

Pembelajaran bahasa penting dalam intelektual, sosial dan emosi serta pembangunan asas untuk membangunkan Profil Murid International Baccalaureate (IB). Murid mencapai potensi mereka apabila mereka menggunakan bahasa yang berkesan melalui penyelidikan, refleksi dan berkomunikasi dalam pelbagai konteks dan tujuan.

Oleh itu, pembangunan sifat-sifat Profil Murid melibatkan pemerolehan konsep bahasa, kefahaman, kemahiran dan sikap. Hal ini akan membolehkan murid untuk:

- mentafsir dunia di sekeliling mereka
- berkomunikasi dengan berkesan
- berasa yakin dan berfikiran terbuka
- memupuk perasaan suka belajar
- menyatakan pendapat dan pandangan mereka dan respon kepada pemikiran orang lain
- memahami, bertolak ansur dan menghargai budaya dan perspektif yang lain

Sekolah mementingkan pembelajaran bahasa, termasuk bahasa pengantar, bahasa kedua, bahasa ibunda dan bahasa lain. Oleh itu, kita percaya bahawa:

- i. setiap guru ialah guru bahasa dan menyokong pembangunan bahasa setiap murid.
- ii. guru mendedahkan murid kepada pelbagai perspektif budaya dan memupuk persefahaman dan penghargaan antara budaya melalui mendengar, bertutur, membaca dan menulis aktiviti.
- iii. pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa-bahasa perlu berubah bagi memenuhi murid yang berbeza kemahiran, kebolehan dan keupayaan.
- iv. murid bertanggungjawab ke atas proses pembelajaran mereka apabila mereka dinilai.
- v. murid mempelajari bahasa kedua (bahasa Inggeris) dan dikelompokkan mengikut tahap penguasaan mereka untuk memudahkan persekitaran pembelajaran yang lebih baik.
- vi. bahasa sokongan pembelajaran harus berlaku di dalam dan di luar bilik darjah.
- vii. akses kepada pelbagai sumber perlu disediakan untuk semua murid.
- viii. pembangunan kemahiran dan sikap dalam Profil Murid juga boleh dipupuk melalui penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum seperti perbahasan, drama, nyanyian, pidato, menulis dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan yang dianjurkan oleh pihak sekolah, peringkat zon, daerah, negeri, kebangsaan atau antarabangsa.
- ix. guru perlu menghadiri kursus-kursus pembangunan profesional yang dikendalikan oleh sekolah atau lain-lain agensi/institusi/Jabatan Pelajaran Negeri atau Kementerian Pelajaran untuk memastikan pengajaran yang berkesan dapat dijalankan.
- x. Polisi Bahasa dikaji semula setiap tahun.

## **PENERIMAAN**

- i. Murid-murid dari Sekolah Kebangsaan aliran Melayu ditempatkan dalam Tingkatan 1 dengan sekurang-kurangnya 3A daripada lima mata pelajaran yang diambil dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).
- ii. Murid-murid dari Sekolah Jenis Kebangsaan bukan aliran Melayu (Sekolah Cina dan Tamil) ditempatkan ke dalam Tingkatan 1 dengan sekurang-kurangnya 5A daripada 7 mata pelajaran yang diambil dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Murid perlu mendapatkan sekurang-kurangnya gred B bagi Bahasa Melayu untuk ditempatkan ke sekolah ini.

## **GARIS PANDUAN**

### **STRUKTUR PROGRAM BAHASA**

Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib di semua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK).

#### **Bahasa Pengantar (Bahasa Melayu) / Bahasa dan Kesusasteraan:**

- i. Bahasa pengantar bagi semua mata pelajaran dalam semua tingkatan (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5) ialah bahasa Melayu kecuali bagi mata pelajaran bahasa kedua, bahasa ibunda dan bahasa asing.
- ii. Bahasa Melayu diperuntukkan enam (6) waktu seminggu @ 40 minit setiap pelajaran.
- iii. Satu (1) waktu dari bahasa pengantar diperuntukkan untuk program bacaan luas di dalam atau di luar bilik darjah untuk melengkapkan aktiviti bacaan kelas.
- iv. Pada masa ini, program penilaian kesusasteraan berdasarkan bacaan teks untuk bahasa pengantar dilengkapkan dalam Program "Nilam" atau Program "Nadi Ilmu Amalan Membaca".
- v. Program ini khusus untuk murid yang banyak membaca (bacaan bahan fiksi dan bukan fiksi) melalui pemantauan jumlah buku yang dibaca dalam setiap penggal. Program ini bertujuan untuk menyemai budaya membaca di luar kelas bahasa.
- vi. Bahasa dan kesusasteraan bermula dengan kemahiran yang dikuasai oleh murid dalam pendidikan rendah mereka.
- vii. Objektif bahasa MYP dan kesusasteraan merangkumi fakta, konsep, prosedur dan metakognitif dimensi pengetahuan. (Merujuk kepada Panduan Subjek Bahasa dan Kesusasteraan MYP)
- viii. Bagi memenuhi objektif ini, guru akan menumpukan perhatian kepada setiap satu daripada kemahiran makro bahasa: mendengar, bertutur, membaca, menulis, menonton dan menyampaikan. Mod bahasa ini amat interaktif dan saling berkaitan.

#### **Bahasa Kedua (English)/ Pemerolehan Bahasa :**

- i. Semua murid mempelajari bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris.
- ii. Bahasa Inggeris diperuntukkan enam (6) waktu @ 40 minit setiap minggu untuk tingkatan menengah rendah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3)
- iii. Bahasa Inggeris dalam tingkatan menengah atas mempunyai lima (5) waktu seminggu @ 40 minit setiap pelajaran (Tingkatan 4 hingga Tingkatan 5)
- iv. Murid akan menduduki ujian penempatan Bahasa Inggeris untuk menempatkan mereka mengikut kecekapan semasa memasuki Tingkatan 1 dan Tingkatan 4.
- v. Murid dari Tingkatan 2, 3 dan 5 ditempatkan berdasarkan keputusan akhir tahun.
- vi. Penempatan murid dalam bahasa kedua mengikut dasar yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 2012.
- vii. Satu (1) waktu dari bahasa kedua diperuntukkan untuk program bacaan tambahan di dalam atau di luar bilik darjah untuk melengkapkan serta mengukuhkan aktiviti bacaan kelas.
- viii. Pengajaran dan pembelajaran dalam semua subjek pemerolehan bahasa ( Language Acquisition Subject) dibahagikan kepada enam fasa. (Rujuk MYP Language Acquisition Subject Guide)

- ix. Fasa-fasa ini mewakili perkembangan pembelajaran bahasa tambahan. Bergantung kepada pengalaman pembelajaran bahasa mereka sebelum ini, murid boleh memulakan kelas pemerolehan bahasa (Language Acquisition Course) dalam mana-mana fasa dan boleh keluar dari mana-mana fasa yang dikehendaki oleh mereka.
- x. Dalam pemerolehan bahasa (Language Acquisition), melalui enam fasa ini, murid dijangka dapat membangunkan kompetensi untuk berkomunikasi dengan tepat dan berkesan dalam pelbagai peringkat seperti konteks sosial, budaya dan akademik.
- xi. Seajar dengan peraturan-peraturan dalam MYP mengenai penempatan ke dalam Pemerolehan Bahasa, murid dibenarkan untuk menukar kepada kursus bahasa baharu apabila mereka telah berjaya menamatkan kursus Fasa 4.

#### **Bahasa Ibunda (Cina dan Tamil):**

- i. Murid Cina dan India masing-masing menghadiri kelas bahasa Cina dan bahasa Tamil.
- ii. Bagi memudahkan masa pembentangan, kelas bahasa Cina dijalankan serentak dengan kelas Pendidikan Islam untuk murid Melayu.
- iii. Kelas bahasa Cina dijalankan oleh seorang guru di sekolah dan diperuntukkan tiga (3) waktu seminggu atau 40 minit setiap waktu pengajaran dalam jadual waktu utama.
- iv. Kelas bahasa Tamil dijalankan oleh seorang guru berkeelayakan yang dilantik oleh Jabatan Pelajaran Negeri. Kelas ini diadakan sekali seminggu menggunakan premis sekolah. Kelas ini diadakan di luar waktu pengajaran utama.
- v. Murid yang mengikuti kelas bahasa ibunda mempunyai peperiksaan awam di Tingkatan 3 dan Tingkatan 5. Peperiksaan ini tidak wajib. Murid boleh memilih untuk tidak menduduki peperiksaan tersebut tetapi mereka digalakkan untuk berbuat demikian.
- vi. Kelas bahasa ibunda bukan sebahagian daripada Program Pemerolehan Bahasa (Language Acquisition Programme).

#### **Bahasa Asing (Bahasa Jerman):**

- i. Murid yang berminat untuk belajar bahasa asing boleh mempelajari Bahasa Jerman. Bahasa Jerman ditawarkan kepada tiga kelas semasa di Tingkatan 1. Masa yang diperuntukkan adalah tiga (3) waktu seminggu atau 40 minit setiap waktu pengajaran.
- ii. Murid yang mengambil bahasa Jerman akan menduduki peperiksaan semasa di Tingkatan 4.
- iii. Bahasa Asing bukan sebahagian daripada Program Pemerolehan Bahasa. (Language Acquisition Programme)

#### **PROFIL BAHASA MURID**

- i. Maklumat Profil Bahasa Murid diperolehi melalui ujian kecekapan semasa proses kemasukan murid:
  - bahasa pengantar
  - bahasa kedua
  - bahasa ibunda

- ii. Rekod disimpan bagi setiap murid dan bergerak mengikut murid dari tahun ke tahun dan guru kepada guru untuk membantu membangunkan masa depan murid dari segi bahasa dan literasi.

## **SUMBER**

- i. Sumber-sumber bahasa yang wujud dalam populasi sekolah terdapat di perpustakaan sekolah dan juga di dalam bilik darjah yang berasaskan mata pelajaran.
- ii. Keperluan untuk sumber-sumber ini dibincangkan dan dikenal pasti oleh guru media, guru-guru, murid-murid dan ibu bapa.
- iii. Akses kepada Internet boleh didapati oleh semua guru dan murid di makmal komputer, di makmal bahasa dan di bilik guru.

## **SOKONGAN PEMBELAJARAN BAHASA**

Sokongan bahasa berlaku di dalam dan di luar bilik darjah. Semua guru menyedari peranan mereka sebagai guru bahasa dan bertindak mempromosikan kemahiran bahasa yang perlu bagi murid untuk mengakses kandungan dan menyatakan pembelajaran mereka dalam pelbagai cara.

- Pendekatan kepada Pembelajaran (ATL) diperkenalkan oleh kaunselor sekolah semasa di Tingkatan 1 dan 2 dan diperkukuh oleh guru di dalam bilik darjah.
- Semua guru ialah guru bahasa yang bertanggungjawab dalam memudahkan proses berkomunikasi.
- Guru memupuk persekitaran yang mengiktiraf kecerdasan dan kemahiran murid yang berbeza.
- Guru memberi pendedahan kepada murid untuk mengatur perspektif budaya masing-masing dan memupuk persefahaman dan penghargaan antara budaya.
- Kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dibina melalui pengalaman yang bermakna dan menarik.
- Jika perlu, penambahbaikan pembelajaran bahasa diadakan dan penilaian alternatif dilaksanakan sesuai dengan tahap penguasaan bahasa murid.
- Murid dengan kecekapan yang rendah dalam mana-mana bahasa akan menghadiri kelas di luar waktu kelas yang diperuntukkan bagi memperkukuhkan pembelajaran bahasa. Jadual akan disediakan untuk guru-guru dan murid bagi memenuhi program sokongan ini. Apabila kecekapan atau kemahiran murid telah bertambah baik dalam sesuatu bahasa, murid akan dikeluarkan dari program ini. Guru akan membuat penilaian melalui pemerhatian, komunikasi dan kerja / tugas yang diberikan kepada murid.

## **PENILAIAN**

- i. Murid bertanggungjawab atas proses pembelajaran mereka dan mereka dinilai dalam persembahan/kerja rumah/portfolio/demonstrasi/skit/jurnal atau tugas-tugas lain yang berkaitan.
- ii. Penilaian dijalankan menggunakan kriteria penilaian MYP, direkodkan dan ditambah/dilaporkan kepada keputusan akhir keseluruhan pada akhir tahun semasa untuk kedua-dua subjek, Bahasa dan Kesusasteraan (Language and Kesusasteraane) dan Program Pemerolehan Bahasa (Language Acquisition Programme) bagi Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3.



- iii. Pelbagai pendekatan dan strategi pengajaran dan penilaian digunakan untuk memastikan peningkatan murid dalam pemerolehan bahasa (Language Acquisition).
- iv. Guru-guru, ibu bapa dan murid-murid boleh merujuk kepada Polisi Penilaian (Assessment Policy) untuk maklumat lanjut mengenai penilaian.

#### **AKTIVITI KOKURIKULUM**

- i. Guru-guru mengenal pasti murid yang kompeten untuk mengambil bahagian dalam pertandingan seperti debat, drama, nyanyian, pidato, penulisan karangan dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan yang dianjurkan oleh pihak sekolah, peringkat zon, daerah, negeri, kebangsaan atau antarabangsa.
- ii. Murid digalakkan untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini dan guru membimbing murid dalam mencapai potensi mereka.
- iii. Sekolah menghargai pencapaian murid dengan menyediakan sijil penghargaan kepada murid dan menghantar surat terima kasih kepada ibu bapa atas sokongan mereka.

#### **PEMBANGUNAN BAHASA DAN PROFESIONAL GURU**

- i. Guru-guru dikenal pasti untuk menghadiri kursus/latihan yang dianjurkan oleh sekolah atau lain-lain agensi/institusi/Jabatan Pelajaran Negeri atau Kementerian Pelajaran/kursus-kursus pembangunan profesional dari IB untuk memastikan pengajaran yang berkesan dapat dijalankan.
- ii. Slot Perancangan Kolaboratif (Collaborative Planning Slot) pada petang Selasa digunakan untuk latihan dalaman kepada guru-guru lain oleh guru-guru yang menghadiri kursus dan latihan ini.
- iii. Slot Perancangan Kolaboratif (Collaborative Planning slot) ini direkodkan di dalam buku laporan yang disediakan.

Polisi Bahasa akan dikaji semula setiap tahun oleh Jawatankuasa MYPIB.

**Disediakan oleh:**

**Penolong Kanan Pentadbiran  
Ketua Jabatan Bahasa  
Ketua Panitia Bahasa Melayu  
Ketua Panitia Bahasa Inggeris**

**Versi: 3**

**Tarikh: 23 Oktober 2014**

## **Bibliografi**

1. IB. 2014. MYP : From principles into practice (For use from September 2014/January 2015) Cardiff, UK International Baccalaureate
2. IB. 2008. "Guidelines for developing a school language policy" International Baccalaureate Organization. Web. 1 June 2014
3. IB. 2004. "Middle Years Programme Second-language Acquisition and Mother-tongue Development. A Guide for schools "International Baccalaureate Organization. Web. 1 June 2014
4. IB. 2008. "Primary Years Programme, Middle Years Programme and Diploma Programme Learning in a language other than mother tongue in IB Programmes", International Baccalaureate Organization. Web. 1 June 2014
5. Canadian International School, Singapore. CIS Language Policy, 2013. Web. 30 June 2014.
6. Language and literature Guide. For use from Sept 2014/Jan 2015. OCC.IB. Web. 23 October 2014
7. Language acquisition Guide. For use from Sept 2014/Jan 2015. OCC.IB. Web. 23 October 2014



## **POLISI KETELUSAN AKADEMIK DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' SHEIKH AHMAD**

SMK Dato' Sheikh Ahmad komited dalam meningkatkan polisi ketelusan akademik dan akan memastikan semua guru dan murid memahami nilai ini. Oleh itu, murid akan diberi pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan konsep-konsep yang berkaitan dengan nilai dalam kerja-kerja mereka.

Mengikut Profil Murid IB, murid mesti berusaha untuk menjadi seorang yang "berprinsip" dengan mempunyai "integriti dan ketelusan, semangat kesamaan dan keadilan, menghormati maruah dan hak-hak orang di mana-mana". Prinsip ini diterjemahkan melalui kerja murid, yang bukan sahaja menunjukkan kreativiti dan kebolehan masing-masing, tetapi juga keupayaan mereka untuk mengiktiraf sumbangan orang lain.

### **OBJEKTIF**

- i. Mempelajari kemahiran untuk mengakui hasil kerja pengarang asal dalam penyelidikan akademik
- ii. Menghormati integriti dalam semua bentuk kerja
- iii. Membangunkan sebuah masyarakat intelektual iaitu yang didorong oleh nilai-nilai etika dan penghargaan pembelajaran sepanjang hayat
- iv. Meningkatkan tanggungjawab atas tindakan sendiri dalam akademik

Semua guru komited dalam menggalakkan Polisi Ketelusan Akademik dengan cara yang positif dan praktikal. Oleh itu, tujuan polisi ini adalah untuk menentukan ketelusan akademik dan prosedur serta amalan yang akan membimbing pelaksanaan polisi ini.

Polisi ini tertakluk kepada semakan tahunan dan semakan oleh Jawatankuasa MYPIB.

### **DEFINISI**

- i. **Ketelusan Akademik** ditakrifkan sebagai hasil kerja sah berdasarkan idea asal seseorang dan kerja orang lain yang tidak dicitrak terus, malah diperakui diambil sebagai rujukan.
- ii. **Perkongsian, Kerjasama dan Kreativiti** ditakrifkan sebagai satu kerjasama apabila murid bekerja sebagai satu kumpulan dalam pelaksanaan projek, berkongsi bahan atau data yang dikumpul dan perbincangan untuk mencari bahan. Contoh kerjasama termasuk:
  - i. kumpulan perbincangan tidak rasmi / rasmi
  - ii. perbincangan tema umum atau konsep
  - iii. interpretasi data

- iii. **Harta Intelekt** merujuk kepada ciptaan minda: ciptaan, karya sastera dan seni, simbol, nama, imej dan reka bentuk yang digunakan secara komersial. Ini termasuklah pelbagai bentuk hak harta, seperti paten, reka bentuk berdaftar, cap dagang dan hak cipta. Hak yang berkaitan dengan hak cipta termasuk karya sastera dan seni dalam novel, puisi, drama, filem, karya muzik, lukisan, gambar, ukiran dan reka bentuk seni bina. Bentuk ungkapan intelektual dan kreatif perlu dihormati dan dilindungi oleh undang-undang.
- iv. **Plagiarisme** ditakrifkan sebagai mempersembahkan semula idea atau kerja orang lain sebagai sendiri, termasuk salinan teks murid atau karya seni tanpa perakuan yang betul.
- v. **Konspirasi** ditakrifkan sebagai menyokong salah laku akademik oleh murid lain, seperti membolehkan kerja seseorang menyalin hasil kerja orang lain dan dikemukakan untuk penilaian oleh orang lain.
- vi. **Sebarang kelakuan lain** yang boleh menyebabkan seseorang mendapat kelebihan yang tidak adil ke atas yang lain atau yang memberi kesan kepada keputusan murid lain (pemalsuan data, salah laku semasa peperiksaan)
- vii. Sekolah ini menggunakan kaedah Kesatuan Psikologi Amerika (APA) untuk merujuk (mengesahkan) hasil kerja orang lain.

Ibu bapa, guru-guru dan murid-murid perlu membaca polisi ini dan memahami polisi ketelusan dan ketidaktelusan akademik. Mereka juga harus sedar akibat ketidaktelusan akademik terhadap murid.

Oleh itu, amat penting bagi warga sekolah mempunyai kesedaran akan peranan dan tanggungjawab masing-masing.

## **PERANAN GURU**

- i. Memberi panduan kepada murid dengan menunjukkan contoh bertulis daripada petikan yang diambil daripada pelbagai sumber dalam semua bidang ilmu.
- ii. Mengukuhkan ketelusan akademik dengan menyediakan tugas-tugas penilaian yang memerlukan siasatan dan kreativiti.
- iii. Menyokong dan bertindak atas dasar ketelusan akademik dengan menjadi model/idola dalam membuat rujukan sumber yang sesuai daripada semasa pengajaran dan persembahan/pembentangan.
- iv. Memberi sokongan dalam meningkatkan kemahiran penyelidikan dan kajian (dengan bantuan kaunselor)
- v. Menerangkan akibat ketidaktelusan akademik sejajar dengan dasar.

## **PERANAN PELAJAR**

- i. Bertanggungjawab untuk menyiapkan kerja mereka sendiri dan melibatkan diri dalam penyelidikan sebenar, dengan rujukan yang betul untuk bahan sumber.
- ii. Mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan peperiksaan sekolah.

- iii. Mematuhi kedua-dua garis panduan etika SMKDSA dan IB serta bertindak dengan integriti dan ketelusan.
- iv. Bertanggungjawab atas tindakan mereka sendiri dan menerima akibat ketidaktelusan akademik.

### **PERANAN IBU BAPA**

- i. Memahami erti ketelusan akademik dalam suasana sekolah dan seterusnya.
- ii. Menggalakkan anak-anak mereka untuk mematuhi Polisi Ketelusan Akademik sekolah.
- iii. Memberi sokongan dengan memantau kerja anak-anak di rumah seperti penggunaan komputer, kerja rumah dan tugas bertulis.

### **PROSES DAN PROSEDUR PELAKSANAAN POLISI**

- i. Polisi Ketelusan Akademik telah dibangunkan selaras dengan peraturan-peraturan umum MYPIB.
- ii. Polisi ini akan diedarkan kepada semua guru dan murid pada awal tahun ini.
- iii. Ibu bapa akan diberi taklimat mengenai Polisi Ketelusan Akademik, tanggungjawab dan peranan mereka semasa Dialog Prestasi Ibu Bapa dan Guru pada awal tahun.
- iv. Semua guru akan diberi latihan tentang penggunaan idea penulis lain dalam karangan atau hasil kerja mereka. Murid dan guru perlu merujuk kepada Lampiran 1 untuk butiran lanjut tentang konvensyen rujukan sekolah.
- v. Murid akan diberi latihan cara menulis rujukan oleh kaunselor sekolah. Jadual akan disediakan bagi memudahkan sesi latihan ini. Murid dan guru perlu merujuk kepada Lampiran 1 untuk maklumat lanjut tentang konvensyen rujukan sekolah.
- vi. Kaunselor akan memberikan nasihat lanjut dan bimbingan kepada murid dalam melaksanakan Polisi Ketelusan Akademik dan membangunkan amalan penyelidikan akademik yang baik.
- vii. Guru mengukuhkan ketelusan akademik dengan menyediakan tugas-tugas penilaian yang memerlukan penyelidikan dan kreativiti, menekankan kemahiran penyelidikan yang betul dan perakuan kerja orang lain di dalam bilik darjah.
- viii. Sekolah ini akan menggunakan pelbagai kaedah untuk membantu mengesan ketidaktelusan akademik. Kes hendaklah dilaporkan kepada Penolong Kanan Pentadbiran dan Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar.

### **KEBOLEHCAPAIAN POLISI**

Polisi ini boleh digunakan oleh semua murid, ibu bapa dan guru semasa Hari Pendaftaran dan semasa Mesyuarat PIBG pada awal tahun. Polisi ini juga boleh didapati di laman web sekolah.

## **AKIBAT KETIDAKTELUSAN AKADEMIK**

- i. Akibat ketidaktelusan akademik ditangani melalui dasar disiplin sekolah dan perlu ditangani dengan sewajarnya.  
Kadang-kadang murid tidak sedar bahawa mereka sebenarnya telah melakukan suatu tindakan yang disebut ketidaktelusan akademik. Sebagai contoh, murid mendapati mereka secara tidak langsung meniru dan berkongsi kerja dengan rakan-rakan mereka serta tidak mengetahui bahawa kerja mereka akan ditiru. Murid ini tidak akan tertakluk kepada prosedur ketidaktelusan akademik tetapi diberi amaran dan nasihat untuk tidak melakukan kesalahan yang sama pada masa akan datang.
- ii. Mana-mana kes ketidaktelusan akademik akan diuruskan melalui prosedur yang akan memastikan ekuiti; konsisten, keadilan prosedur, resolusi tepat pada masanya dalam perkara itu dan pencapaian hasil yang sesuai dan berkesan.
- iii. Senarai penalti kepada murid sekiranya berlaku ketidaktelusan akademik adalah seperti berikut:
  1. Plagiarisme dan konspirasi diuruskan oleh guru mata pelajaran. Teguran secara lisan. Murid diminta untuk membuat semula kerja dan memberi maklum balas berdasarkan kriteria MYPIB. Penalti tidak termasuk dalam mempertimbangkan gred akhir murid.
  2. Cuba untuk menipu semasa ujian sumatif/memalsukan data diuruskan oleh guru mata pelajaran dan Lembaga Disiplin.  
  
Ibu bapa akan dimaklumkan mengenai pelanggaran undang-undang dan ia akan direkodkan oleh Lembaga Disiplin.  
Murid perlu menduduki ujian semula atau membuat tugas semula.

**Disediakan oleh:**

**Penolong Kanan Pentadbiran  
Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar  
Kaunselor  
Setiausaha Jawatankuasa Peperiksaan**

**Versi: 3**

**Tarikh: 21 Okt 2014**

## **Bibliografi**

1. Carroll, Jude. "Academic honesty in the IB." International Baccalaureate Organization 2012. N.p. October 2012. Web. 1 June 2014.
2. Honolulu Community College Library Guide. "MLA Citation Examples." [library@hcc.hawaii.edu](mailto:library@hcc.hawaii.edu) 2010. N.p. 25 Jan. 2010. Web. 30 May 2014.
3. IB. 2008. IB learner profile booklet. Cardiff,UK. International Baccalaureate.
4. IB. 2014. MYP : From principles into practice. (For use from Sept.2014/Jan.2015)Cardiff,UK . International Baccalaureate
5. Eagle Valley Elementary Academic Honesty Policy. Web. 10 August 2014
6. Fridley Public Schools Academic Honesty Policy. Web. 10 August 2014
7. Nazarbayev Intellectual School of AstanaOsaka International School K-12 Academic Honesty Policy. Web. 3 August 2014

## LAMPIRAN 1

### CONTOH CARA MEMETIK DAN MEMPERAKUI PENGARANG ASAL

#### Sumber rujukan

Untuk mengelakkan ketidaktelusan akademik, seluruh sekolah akan menggunakan gaya petikan MLA.

Semua guru dan murid akan diberikan satu salinan garis panduan untuk mengakui sumber.

Tujuan rujukan adalah untuk membolehkan pembaca mencari kerja-kerja asal idea-idea atau yang telah anda nyatakan. Murid perlu memberikan rujukan dalam bahagian yang berasingan di akhir kerja, tetapi juga harus memberikan petunjuk jelas tentang bahan yang telah digunakan dalam kerja.

#### PENANDA RUJUKAN

##### Formula:

- |                                                                                                                                                                                                                          |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"><li>i. Nama akhir pengarang dan nombor muka surat ditaip pada akhir ayat tersebut <b>ATAU</b></li><li>ii. Sertakan nama pengarang dalam ayat dan muka surat pada akhir ayat.</li></ul> |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

##### Contoh:

- i. Masalah ponteng sekolah melibatkan sebahagian besar remaja lelaki berbanding perempuan (Salleh 102)
- ii. Salleh membuat kesimpulan bahawa terdapat sejumlah besar ponteng sekolah dalam kalangan remaja lelaki berbanding remaja perempuan (102)

#### BIBLIOGRAFI

Senarai sumber yang digunakan dalam menyediakan kertas penyelidikan anda, disusun mengikut abjad dan nama akhir pengarang.

##### Buku

Ini adalah format yang asas untuk entri bibliografi.

##### Satu Pengarang

###### Formula:

<p>*Nama pengarang. Tajuk buku. Bandar tempat percetakan : Syarikat percetakan, Tahun. Jenis Bahan Rujukan.</p>
---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

<p><b>*Tulis nama pengarang sebagai nama akhir, Nama pertama (dalam semua bentuk percetakan)</b></p>
------------------------------------------------------------------------------------------------------

##### Contoh

Salleh, Mohamad Nazri. Gejala Sosial dalam Kalangan Remaja. Kuala Lumpur: Sasbadi, 2002. Bahan Bercetak.



## Dua atau Lebih Pengarang

### Formula:

Senaraikan semua nama pengarang menurut turutan yang terdapat di muka depan buku, letakkan tanda bacaan koma selepas setiap satu nama, dan tanda titik pada akhir senarai.

\*Cuma nama pengarang pertama ditulis secara (Nama Akhir, Nama Pertama); nama yang lain-lainnya mengikut susunan biasa (Nama Pertama, Nama Akhir).

\*Sekiranya terdapat lebih daripada tiga orang pengarang, tuliskan nama pengarang pertama diikuti dengan *et al.*, ataupun senaraikan semua nama pengarang

### Contoh

- i. Lai Heong, Choy, Angeline Vijayarajoo. Towards Better SPM Compositions. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 2000. Bahan Bercetak.
- ii. Laverty, Melinda F.*et.al.* Biodiversity. Westport: Greenwood, 2008. Cetak.

## Artikel jurnal

### Formula:

Pengarang. "Tajuk Artikel." Tajuk Journal Nombor Volum Nombor Isu (Tahun) : Muka surat. Jenis bahan.

### Contoh

Reynolds, Kim. "How to encourage team building." 21st Century Education 5 (2010) : 51-5. Cetak.

## Keratan Akhbar

### Formula:

Pengarang. "Tajuk Artikel." Tajuk Akhbar  
Tarikh, edisi : Muka surat. Jenis Bahan

### Contoh

Yusof, Muhamad Zambri. "PT3 Ganti PMR" Berita Harian 24 April 2014: 10. Bahan Bercetak.

## **Laman Web**

### **Formula:**

Pengarang. "Tajuk." Nama laman web.  
Versi atau edisi. \*Pengarang, Tarikh. Laman Web.  
Tarikh Data Diakses.  
\*Sekiranya nama pengarang tidak dinyatakan (tuliskan N.p)

### **Contoh**

Carroll, Jude. "Academic honesty in the IB." International Baccalaureate Organization 2012.  
N.p. Oktober 2012. Web. 1 Jun 2014.

## **Temu duga yang dikendalikan oleh Murid**

### **Formula:**

Nama orang yang ditemu duga. Jenis temu bual. (Personal atau melalui telefon)  
Tarikh.

### **Contoh**

Sabri, Anis Najhan. Peribadi. 10 Nov. 2013.

## LAMPIRAN 2

### PERJANJIAN POLISI KETELUSAN AKADEMIK

Saya, \_\_\_\_\_

No.KP: \_\_\_\_\_ mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami Polisi Ketelusan Akademik SMK Dato' Sheikh Ahmad, dan bersetuju untuk mematuhi prinsip dan tatacara polisi dan akan menerima tanggungjawab tindakan saya dan penalti yang ditetapkan dalam polisi jika saya telah didapati melakukan kesalahan akademik.

(tandatangan)

(Nama Penuh Murid)

(tandatangan)

(Nama Penuh Ibu Bapa)

Tarikh: